

18 MAR 1999

Mirzan-Saman

MIRZAN FAIL SAMAN RM200 JUTA BERHUBUNG ARTIKEL AWSJ

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Mirzan Mahathir, anak sulung Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini memfailkan saman fitnah terhadap Dow Jones Publishing Company (Asia) Inc. dan empat yang lain, dengan menuntut ganti rugi sebanyak RM200 juta.

Writ saman itu difailkan oleh Tetuan V.K. Lingam and Company di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil di sini tengah hari ini.

Mirzan, yang merupakan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Konsortium Perkapalan Berhad, menamakan Dow Jones, Reginald Chua, William Adamopulos, G. Bruce Knecht dan Dow Jones & Company Inc sebagai defendan.

Chua adalah editor Asian Wall Street Journal (AWSJ), Adamopulos penerbit AWSJ dan Knecht adalah wartawan AWSJ.

Beliau menyaman mereka berhubung penerbitan sebuah artikel bertajuk "Mahathir's Eldest Son Limits Ambition" dalam AWSJ bagi isu 4 Jan, 1999, yang turut tersiar dalam Internet di bawah tajuk "Premier's Son Reins In Business Ambitions in Malaysia".

Dalam pernyataan tuntutanannya, Mirzan berkata dakwaan terbabit jelas bersifat lebih serius kerana ia melibatkan maruah dan kewibawaan dirinya sebagai ahli perniagaan terkemuka.

Beliau berkata defendan juga tidak memberikan peluang kepada plaintif untuk mengulas atau menjawab dakwaan itu sebelum mereka menerbitkan artikel itu dalam AWSJ dan laman web Dow Jones di Internet.

Katanya, sebaliknya apa yang defendan lakukan ialah pada 25 Nov 1998, wartawannya (Bruce Knecht) bagi pihak defendan lain telah menulis kepada beliau bahawa dia akan berada di Malaysia pada minggu berikutnya untuk membuat berita ke atas beberapa syarikat besar termasuk Konsortium Perkapalan dan ingin menemuramah Mirzan mengenai Konsortium Perkapalan.

Mirzan berkata dalam surat bertarikh 25 Nov itu, Knecht langsung tidak merujuk kepada mana-mana dakwaan yang diterbitkan oleh pihak defendan yang beliau kemukakan dalam saman itu.

Katanya, Knecht juga tidak memberikan sebarang petunjuk kepada beliau semasa temuramah itu dijalankan pada 2 Dis 1998 bahawa dia berniat untuk menulis mengenai Mirzan secara peribadi dan mengenai hubungan beliau dengan ayahnya dan mengenai dakwaan nepotisme, pilih kasih dan keistimewaan dan mengenai dakwaan ketidakcekapan dan kecuaiannya beliau semasa menjalankan hal ehwal perniagaannya.

Mirzan berkata setiap defendan juga tidak berhasrat untuk mendapatkan kebenaran mengenai dakwaan itu atau untuk menerbitkan apa juga respon yang diberikan beliau.

Katanya, defendan hanya menemuramah beliau atau menyebabkan beliau ditemuramah supaya mereka dapat membuat dakwaan palsu itu, jika disaman, bahawa mereka telah memberikan beliau peluang untuk memberi respon, dan sehubungan itu dakwaan yang diterbitkan oleh mereka itu adalah benar.

Beliau berkata pihak defendan memilih untuk menerbitkan dakwaan mereka itu dalam AWSJ dan laman web mereka di Internet berasaskan motif yang tidak baik bagi meningkatkan reputasi individu dan kolektif mereka kerana menerbitkan berita yang kontroversi agar mereka dapat menarik perhatian lebih ramai pembaca atau lebih pelanggan ke laman web mereka.

Mirzan berkata pihak defendan juga gagal untuk meminta maaf kepada beliau dan enggan menarik balik artikel itu dari laman web di Internet.

Di samping tuntutan ganti rugi RM200 juta itu, Mirzan juga memohon injunksi bagi menghalang setiap defendan, sama ada secara bersendirian,

pengarah mereka, pekerja atau ejen mereka daripada terus menerbit atau mengedar atau menggunakan perkataan yang sama atau perkara fitnah terhadapnya.

Beliau juga menuntut faedah, kos dan faedah lain yang mahkamah fikirkan perlu dan patut diberikan.

-- BERNAMA

SBB RHM